

16/10/2000

PPP mahu kerusi

KUALA LUMPUR: Presiden Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP), Datuk M Kayveas, berkata kebanyakan anggota parti kecewa kerana PPP tidak diberi kerusi Parlimen mahupun Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk ditandinginya pada pilihan raya.

Beliau berharap Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) akan mempertimbangkan perkara itu sebaik mungkin.

"Kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mempertimbangkan supaya PPP diberi kerusi adalah kenyataan ikhlas dan kami berharap parti komponen BN lain akan memahaminya," katanya kepada pemberita selepas menutup Perhimpunan Agung ke-47 PPP, di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini, semalam.

(END)